

24 DEC 1998

SAMAN KERAJAAN: ANWAR FAILKAN NOTIS RAYUAN

KUALA LUMPUR, 24 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini memfailkan notis rayuan berhubung keputusan Mahkamah Tinggi di sini yang membatalkan samannya terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kerajaan Malaysia, mencabar pemecatannya daripada kabinet pada 2 Sept.

Anwar, 51, bekas timbalan perdana menteri dan menteri kewangan, memfailkan notis itu menerusi peguamnya, Karpal Singh, di pejabat pendaftar Mahkamah Tinggi di Wisma Denmark di sini pada pukul 9.35 pagi.

Karpal Singh memberitahu pemberita kemudian bahawa beliau akan memohon tarikh awal bagi mendengar rayuan itu.

Semalam, Hakim Datuk Mohamed Saari Yusoff membatalkan saman Anwar selepas memutuskan bahawa pemecatannya daripada kabinet adalah mengikut perlembagaan dan tidak melanggar Perkara 43(5) Perlembagaan Persekutuan.

Mohamed Saari membuat keputusan itu selepas membenarkan permohonan Jabatan Peguam Negara untuk membatalkan saman Anwar, yang difailkan pada 4 Dis, atas alasan ia tidak mendedahkan apa-apa kuasa tindakan yang munasabah, mengaibkan, remeh dan menyusahkan serta satu penyalahan proses mahkamah.

Anwar memohon pengisytiharan bahawa pemecatannya tidak mengikut perlembagaan dan bahawa Dr Mahathir telah melanggar Perkara 43 (5) semasa memecat beliau.

Beliau meminta mahkamah mengisytiharkan bahawa pemecatannya tidak sah dan batal serta tidak berkesan.

Anwar juga memohon satu pengisytiharan bahawa beliau masih lagi seorang menteri kabinet.

-- BERNAMA

SBB NAK